

06/03/2000

Mahasiswa perlu bendung gejala buruk

Faizal Fadzil

SEBAIK saja, Belanjawan 2000 dibentangkan oleh Menteri Kewangan, Tun Daim Zainuddin, di Dewan Rakyat baru-baru ini, Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad memberi penjelasan menarik mengenai tindakan kerajaan menaikkan kadar biasiswa dan pinjaman bagi membiayai pengajian di Institut Pengajian Tinggi (IPT).

Dr Mahathir menjelaskan, kenaikan biasiswa itu bukan untuk menarik sokongan pelajar, sebaliknya untuk membantu meringankan bebanan pelajar khususnya di luar negara berikutan peningkatan kos pembiayaan pengajian akibat kejatuhan nilai ringgit.

Yang paling menarik ialah sikap terbuka dan keyakinannya apabila menyatakan bahawa pelajar IPT khususnya di luar negara sudah pasti akan menghentam kerajaan apabila mereka balik dari luar negara. Ini kerana beliau yakin, parti pembangkang khususnya Pas sudah berjaya meracuni pemikiran golongan muda dengan mewujudkan budaya baru iaitu "budaya tidak tahu bersyukur dan berterima kasih" kepada kerajaan.

"Pas berjaya mengajar generasi muda supaya jangan bersyukur dan apa juga yang diperoleh adalah hak mereka dan jangan sekali-kali berterima kasih (kepada kerajaan)...jangan mengucapkan terima kasih adalah satu budaya baru," katanya.

Kenyataan Dr Mahathir itu boleh diibaratkan seperti seorang bapa yang tidak jemu-jemu untuk membantu anak-anaknya supaya terus maju dalam bidang pelajaran meskipun anak-anaknya tidak pernah mempedulikan bagaimana orang tua mereka bersusah payah mencari wang dan nafkah bagi membolehkan mereka terus belajar hingga menjadi orang yang berguna kepada agama bangsa dan negara pada masa depan.

Namun, anak-anak bapa itu tetap mengutuk dan menghina bapanya dengan rakan-rakan asing mereka. Apatah lagi apabila termakan hasutan "abang-abang dan bapa-bapa orang lain" supaya terus memburuk-burukkan nama bapa mereka.

Golongan "abang-abang dan bapa-bapa orang lain ini" yang mungkin cemburu dengan keikhlasan dan kemampuan bapa mereka membantu anak-anaknya itu, terus mengapi-apikan anak-anak bertuah itu dengan mengatakan bahawa "memang tanggungjawab bapa awak beri duit untuk belajar. Kalau tidak, berhenti jadi bapa. Tetapi awak mesti terus kutuk perangai bapa awak yang buruk itu".

Mungkin ini yang disebut Perdana Menteri sebagai budaya buruk yang baru yang disuntik ke dalam pemikiran anak-anak Melayu di IPT ketika ini.

Dalam budaya orang Melayu, anak-anak dididik supaya tidak bersikap 'seperti kacang lupakan kulit', ditanam dengan sikap 'orang berbudi kita berbahasa' dan sentiasa diasuh supaya tidak bersikap seperti 'anjing yang menggigit orang yang melepaskan dirinya daripada tersepit'.

Anak-anak Melayu sentiasa diasuh supaya bersopan santun dan berbudi bahasa apabila bercakap atau berhadapan dengan orang tua meskipun pada pandangan mereka, orang tua itu mungkin melakukan tindakan yang salah atau tidak berkenan di hati mereka.

Ini berbeza dengan anak-anak orang Barat yang sudah diajar untuk hidup dengan budaya 'nafsi-nafsi' (sendiri-sendiri). Sebaik saja menjangkau usia 18 tahun, mereka dianggap sudah benar-benar bebas daripada pengaruh ibu bapa, sudah boleh keluar daripada rumah untuk tinggal berjauhan. Lebih daripada itu, mereka juga sudah boleh 'melupakan' keluarga mereka jika mereka mahu dan tidak perlu ambil kisah dengan kehidupan ibu bapa mereka.

Mereka boleh membina keluarga sendiri dan ibu bapa mereka ada kalanya hanya muncul dalam album kenangan. Tidak lebih daripada itu.

Anak-anak Barat dan bebas ini tidak lagi boleh ditegur kesilapan mereka. Setiap teguran yang dibangkitkan oleh ibu bapa mereka akan dianggap bertujuan menyekat kebebasan mereka atau mempunyai niat serong untuk mengawal pemikiran dan kehidupan mereka. Apa juga tunjuk ajar yang mahu ditawarkan oleh ibu bapa untuk kebaikan mereka sendiri dianggap tidak betul lalu ditolak mentah-mentah oleh anak-anak.

Apakah budaya demikian ini yang cuba ditanam oleh parti pembangkang dalam pemikiran pelajar IPT negara ini? Perkara ini mungkin dinafikan oleh mereka tetapi realitinya masalah ini yang melanda sebahagian pelajar IPT khususnya yang cenderung menyokong kepemimpinan parti pembangkang di negara ini.

Antara contoh yang paling jelas ialah reaksi negatif seorang pemimpin pelajar terhadap teguran Perdana Menteri mengenai prestasi buruk pelajar Melayu dalam jurusan sains dan kejuruteraan.

Teguran ikhlas itu bertujuan mengingatkan pelajar Melayu supaya lebih bersungguh-sungguh dalam menghayati pengajian masing-masing khususnya dalam bidang kejuruteraan dan sains kerana ilmu itu amat penting dalam usaha negara menjadi negara maju dan bertamadun pada alaf baru ini.

Namun, teguran itu disalahtafsirkan oleh seorang pemimpin pelajar yang cenderung kepada sebuah parti pembangkang yang mendakwa memperjuangkan Islam dalam media yang menjadi suara parti itu sendiri.

Pemimpin pelajar itu mencabar Dr Mahathir supaya membuktikan dakwaannya bahawa pelajar Melayu tidak berusaha bersungguh-sungguh dalam kedua-dua bidang terbabit, sekali gus gagal meraih keputusan cemerlang dalam bidang berkenaan.

Rasanya sebagai pemimpin negara, tidak sukar bagi Perdana Menteri untuk mendapatkan data dan bukti yang menunjukkan pelajar IPT Melayu memang lemah dalam kedua-dua bidang itu. Cabaran itu bila-bila saja boleh disambut.

Tetapi yang paling menyayukan ialah sikap pemimpin pelajar itu yang bukan saja enggan menerima kritikan dengan baik, malah tidak berusaha untuk menyedarkan pelajar pimpinannya bagi menyahut cabaran Perdana Menteri supaya pelajar Melayu lebih bersungguh-sungguh menguasai bidang kritikal itu demi kebaikan diri mereka.

Sebaliknya, beliau dengan nada bongkak, mencabar Perdana Menteri supaya membuktikan dakwaan itu.

Inilah budaya buruk yang dikatakan oleh Perdana Menteri yang cuba ditanam oleh pemimpin parti pembangkang yang mendakwa berjuang menegakkan Islam di negara ini.

Pemimpin pembangkang perlu menghayati semula matlamat pendidikan Islam yang bertujuan mewujudkan perkembangan yang seimbang dalam diri individu dengan nilai keislaman. Pendidikan Islam juga menetapkan sasaran untuk mewujudkan keseimbangan dalam pemikiran penganut agamanya.

Hasil keseimbangan ini, maka Islam akan melahirkan seorang pelajar atau individu yang beriman, berpengetahuan, berakhlak tinggi dan beramal saleh. Kelahiran generasi seumpama ini seterusnya akan mewujudkan satu masyarakat yang hidup harmoni, saling hormat-menghormati dan bekerjasama antara satu sama lain.

Namun, jika budaya buruk tidak menghormati orang tua, bersikap bongkak dan memperlecehkan teguran ikhlas yang dapat memperbaiki diri sendiri dan enggan bersyukur dengan kemakmuran yang Allah turunkan menerusi kepemimpinan kerajaan, bagaimanakah falsafah pendidikan yang digariskan oleh Islam dapat direalisasikan? Apakah Negara Islam yang dicanang-canangkan pihak pembangkang itu mampu ditegakkan?

(END)

